

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA,  
PENGKAL KEEMPAT, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING  
[PENAMPANG]**

**TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah yang akan diambil untuk membantu pengusaha kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia terutama kepada 100,000 PKS yang telah ditutup sejak PKP 1.0 dan 580,000 perniagaan yang bakal ditutup sekiranya PKP diteruskan sehingga Oktober 2021 memandangkan satu pertiga (1/3) daripada 6,664 responden dalam kajian tinjauan oleh MEDAC menyatakan tidak menerima pelbagai bantuan yang diumumkan Kerajaan sebelum ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kaji Selidik Ke Atas Usahawan semasa Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP 3.0) yang telah diadakan pada 15 hingga 28 Jun 2021 oleh MEDAC, mendapati 33.33% usahawan menyatakan mereka tidak menerima sebarang bantuan dan kemudahan daripada kerajaan. Tiga alasan utama yang diberikan adalah seperti yang berikut:

- (i) Permohonan tidak diluluskan (30.51%);
- (ii) Tidak tahu cara memohon (27.61%); dan
- (iii) Tidak memohon (27.54%).

2. MEDAC dan agensi-agensi telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi perkara tersebut seperti yang berikut:

- (i) melaksanakan Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi yang mengandungi 21 program merangkumi:
  - a. latihan keusahawanan;
  - b. pembiayaan; dan
  - c. peningkatan adaptasi teknologi dan digitalisasi.
- (ii) menyediakan program pembiayaan mikro kredit di bawah TEKUN dengan memberi fokus khas kepada usahawan *First to Close, Last to Open* (FCLO) semasa pelaksanaan PKP seperti usahawan *post-natal*, spa dan kecantikan, salon gunting rambut, pengurusan majlis dan katering, pusat tuisyen, cuci kereta, kedai buku dan alat tulis serta kedai jahitan;
- (iii) bantuan kepada usahawan yang tidak mendaftar atau usahawan informal, TEKUN telah membuka permohonan pembiayaan Skim Pembiayaan Sektor Informal (SPIN) 2.0;

## SOALAN NO : 67

- (iv) memperkasakan program keupayaan dan pembangunan kapasiti serta latihan untuk usahawan terutama dalam meningkatkan pengadaptasian teknologi dan digitalisasi dalam operasi perniagaan;
- (v) meningkatkan program *outreach* termasuk menyediakan satu platform perniagaan sehenti dalam talian MyAssist MSME bagi membantu PKS dengan menyediakan:
  - a. khidmat nasihat dalam talian daripada kaunselor perniagaan (MeetMe);
  - b. perkhidmatan padanan perniagaan, peluang memasarkan produk/ perkhidmatan ePameran; dan
  - c. menyediakan maklumat berkenaan program/ bantuan yang ditawarkan;
- (vi) menyediakan perkhidmatan sokongan dan khidmat nasihat kepada usahawan yang terkesan melalui pewujudan *hotline* ADU@MEDAC.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI ( ALOR SETAR )

TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)

**SOALAN NO.68**

**TUAN CHAN MING KAI** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan menjelaskan apakah kelayakan dan prosedur bagi pelaksanaan operasi estetik contohnya suntikan botox dan sedut lemak, adakah ia boleh dilakukan oleh pusat kecantikan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan (KKM) Malaysia telah menerbitkan Garis panduan Amalan Perubatan Estetik (*Guidelines on Aesthetic Medical Practice*) yang telah dimuat naikkan ke portal rasmi kementerian ini pada 1 April 2013.

2. Garis panduan ini menetapkan bahawa **hanya** pengamal-pengamal perubatan berdaftar (dengan Majlis Perubatan Malaysia) yang mempunyai *Letter of Credentialing & Privileging of Aesthetic Medical Practice* (LCP) sahaja dibenarkan melakukan prosedur-prosedur perubatan estetik seperti suntikan *Botulinum toxin* (*Botox*) dan *Liposuction* (sedut lemak), di premis

yang berdaftar/ dilesenkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Akta 586).

3. Sekretariat Amalan Perubatan Estetik, Cawangan Perundangan Perubatan, Bahagian Amalan Perubatan mengeluarkan LCP kepada pengamal perubatan berdaftar yang layak dan seterusnya membangunkan Daftar Kebangsaan (*National Registry of Registered Medical Practitioner Practising Aesthetic Medical Practice*) yang dipaparkan kepada orang ramai melalui Portal Rasmi KKM.

4. Individu **selain** pegawai perubatan berdaftar yang ditauliahkan dengan LCP **tidak dibenarkan** memberikan perkhidmatan yang melibatkan prosedur-prosedur amalan estetik seperti yang dinyatakan (*Suntikan Botox, Liposuction* dan sebagainya) kerana ia dikategorikan sebagai prosedur perubatan yang *invasive* dan *minimally invasive*.

5. Sekiranya penawaran khidmat estetik ini dilakukan oleh individu-individu tidak bertauliah dan di pusat-pusat kecantikan (atau premis yang tidak berdaftar di bawah Akta 586) maka ini telah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta Perubatan 1971, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) dan akta-akta berkaitan yang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN BARU BIAN (SELANGAU)**

**TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN BARU BIAN [ SELANGAU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan CIQ di Ba' Kelalan yang separuh siap kini dalam bahaya akan runtuh akibat hakisan tanah. Adakah kerja-kerja penilaian keselamatan telah dibuat. Apakah kerja-kerja pembaikan akan diadakan. Jika ada, berapa jumlah kos tambahan apabila projek itu siap.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang Di Pertua, Kementerian Dalam Negeri telah menamatkan perkhidmatan kontraktor utama Projek Pos Kawalan dan Kwarters Imigresen Ba'kelalan, Sarawak pada 10 Disember 2020 berikutan prestasi kontraktor yang sangat tidak memberangsangkan. Sementara menunggu pelantikan kontraktor penyiap, Kementerian Dalam Negeri telah mengambil langkah perlindungan cerun dengan memasang kanvas di keseluruhan lereng bukit yang terdedah di tapak projek. Kementerian Dalam Negeri juga melantik pengawal keselamatan bagi memastikan keselamatan tapak sentiasa terpelihara.

Pada masa kini, Kementerian Dalam Negeri sedang melaksanakan proses perolehan kontraktor penyiap bagi projek Pos Kawalan dan Kwarters Imigresen Ba'kelalan, Sarawak ini di mana penjualan dokumen tender dimulakan pada 1 September 2021 dan tender akan ditutup pada 21 September 2021. Kontraktor baharu dijangka akan dilantik selewat-lewatnya pada 30 November 2021. Oleh itu, kos tambahan bagi menyiapkan projek ini hanya akan dimuktamadkan selepas pelantikan kontraktor selesai.